



TIMBALAN Naib Cancellor (HEP & Alumni) UPM, Prof. Dr. Mohammad Shatar Sabran melihat proses pilihan raya kampus di Dewan Kolej Ke-13, universiti berkenaan di Serdang, Selangor, semalam. - UTUSAN/MOHD. NOOR MAT AMIN

# Kumpulan promahasiswa monopoli pemilihan UM Proaspirasi menang di UPM

**KUALA LUMPUR** 28 Nov. - Keputusan pilihan raya kampus bagi pemilihan Majlis Perwakilan Pelajar (MFP) sesi 2013/2014 di Universiti Putra Malaysia (UPM) hari ini menyaksikan kemenangan memih kepada proaspirasi.

Kumpulan itu memenangi 29 kerusi marakala promahasiswa memperoleh 12 kerusi dan bebas hanya empat kerusi.

Peratusan mengundi meningkat kepada 82.88 peratus daripada se-

jumlah 26,990 pelajar yang layak mengundi berbanding 80.37 peratus tahun lalu.

Keputusan itu diumumkan Ketua Proses Penjumlahan Undi, Prof. Madya Dr. Abdul Rashid Jamian di Dewan Putra 1, Kolej Ke-13 UPM.

Terdahulu, UPM memaklumkan sebanyak lima fakulti dimenangi tanpa bertanding.

Fakulti yang masing-masing diwakili oleh dua orang calon itu adalah dari Fakulti Sains dan Teknologi Makanan,

Fakulti Sains Komputer dan Teknologi Maklumat, Fakulti Sains Pertanian dan Makanan (Kampus Bintulu), Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi serta Sekolah Pengajian Siswazah.

Walau bagaimanapun, dalam kebenarannya UPM berkata, bantahan keputusan, keputusan bantahan, rayuan keputusan bantahan dan keputusan rayuan akan bermula pada esok hingga 2 Disember ini.

“Sehubungan itu, pengisytiharan rasmi dijadualkan pada 3 Disem-

ber,” kata kenyataan itu.

Proses pengundian yang berlangsung di Kampus Serdang dan Kampus Bintulu, Sarawak itu menyaksikan sebanyak 93 calon bertanding bagi merebut 34 kerusi fakulti dan 11 kerusi umum.

Sementara itu, di Universiti Melayu, daripada 43 kerusi yang diperlombakan, kumpulan promahasiswa menguasai tujuh kerusi umum dan 19 kerusi fakulti manakala proaspirasi (14 kerusi) dan bebas (3 kerusi).